

## BAB V

### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Aspek pengurusan kewangan sekolah merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam pentadbiran sekolah. Daripada tinjauan yang telah dibuat, didapati kedua-dua buah sekolah mengikuti semua garis panduan pengurusan kewangan sekolah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Gurubesar kedua-dua sekolah menghadapi masalah yang berbeza-beza. Bagi Sekolah Rendah(Cina) San Yuk, Rawang, tiada masalah yang ketara dari segi mendapatkan sumber kewangan tambahan bagi sekolah tersebut. Pada dasarnya sekolah ini menerima jumlah peruntukan yang besar daripada Tuntutan Per Kapita berbanding dengan Sekolah Rendah(Tamil) Rawang. Ini amat jelas disebabkan oleh bilangan pelajar sekolah ini yang jauh lebih besar berbanding dengan Sekolah Rendah (Tamil) Rawang tadi.

Bagi Sekolah Rendah (Tamil ) Rawang, salah satu masalah utama yang dihadapi ialah dari segi pembayaran yuran oleh para pelajar. Setiap tahun, lebih kurang sepuluh peratus dari pelajar gagal menjelaskan yuran disebabkan keadaan keluarga yang tidak mampu. Yuran bagi pelajar tidak mampu ini biasanya dijelaskan oleh PIBG sekolah tersebut. Sebaliknya masalah ini tidak dihadapi oleh Sekolah Rendah ( Cina ) San Yuk. Menurut gurubesar sekolah tersebut, setiap tahun, pungutan yuran dapat dijalankan dengan lancar dan mengikut masa yang ditetapkan.

## **5.1 Terimaan dan Pungutan Kewangan Sekolah**

Didapati kedua-dua sekolah mematuhi Arahan Perbendaharaan Perkara 60 (Arahan Perbendaharaan, 1990), yang menekankan penggunaan resit terimaan sebagai akuan menerima wang yang dibayar kepada seseorang pegawai kerajaan. Sekolah-sekolah ini juga didapati mematuhi satu lagi peraturan Arahan Perbendaharaan Perkara 61 (Arahan Perbendaharaan 1990), iaitu pengetua/gurubesar harus memberitahu orang awam (ibu bapa pelajar atau yang berkenaan) mengenai jumlah yang akan dikutip daripada orang awam dan memberitahu orang awam mengenai keperluan meminta resit selepas membuat pembayaran. Untuk tujuan ini gurubesar kedua-dua sekolah telah mengeluarkan satu senarai yang mengandungi keterangan mengenai yuran yang akan dikutip dan lain-lain. Senarai ini akan diedarkan kepada ibubapa pada penghujung tahun. Ini adalah supaya ibubapa akan bersedia dengan jumlah wang yang diperlukan untuk membayar yuran anak mereka pada tahun berikutnya.

Kutipan wang SUWA yang utama bagi sekolah ialah dari yuran. Kutipan yuran sekolah terdiri daripada tiga jenis. Pertama ialah Yuran Khas yang terdiri daripada Yuran Khas Sukan, Yuran Khas Perpustakaan dan Yuran Khas Seni Lukis dan Pertukangan Tangan.. Jumlah yang dibenarkan untuk dikutip dalam setahun ialah tidak melebihi RM9.00 setahun. Jumlah ini adalah selaras dengan Pekeliling Kementerian Pendidikan KP (BS)8575-230/Jld III/(9) bertarikh 16 November 1993.

Jenis Yuran yang kedua pula ialah seperti yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan. Pecahan yuran ini terdiri daripada yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia(MSSM), yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD), yuran wakaf, yuran MSSD dan MSSM yang berjumlah RM0.50 sahaja yang dibenarkan untuk dikutip daripada pelajar.

Jenis yuran yang ketiga ialah yang memerlukan kelulusan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Yuran ini terdiri daripada yuran majalah RM12, yuran komputer bernilai RM10.00 sebulan, yuran Kegiatan Agama bernilai RM10.00 setiap bulan dan Yuran Peperiksaan Dalaman bernilai RM10.00 setahun. Yuran yang memerlukan kebenaran dari PTJ ini boleh ditambah atau direndahkan nilainya mengikut kelulusan dari PTJ. Didapati kedua-dua sekolah menepati syarat yang telah ditetapkan bagi perkara ini.

Didapati kebanyakkan urusan mengutip yuran diserahkan kepada guru-guru kelas. Untuk ini, gurubesar di kedua-dua sekolah mengeluarkan surat kuasa kepada guru-guru berkenaan untuk membolehkan mereka menjalankan aktiviti kutipan yuran. Selepas guru-guru ini mengutip yuran, mereka akan menyerahkannya kepada kerani kewangan. Kutipan dari pelajar dan serahan kepada kerani kewangan dibuat pada hari yang sama. Ini adalah untuk mengelakkan masalah wang hilang. Gurubesar menjadi pemegang amanah (Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994). Segala wang yuran yang telah dikutip oleh guru-guru kelas ini akan dimasukkan ke dalam akaun bank pada hari yang sama. Tugas ini biasanya dilakukan oleh kerani kewangan sekolah-sekolah terbabit.

Kajian mendapati, kadang-kala gurubesar terpaksa menyimpan wang kutipan hariannya di sekolah walaupun jumlahnya melebihi RM500.00. Ini berlaku kerana wang yuran yang dikutip oleh guru-guru kelas pada sebelah petang kadang-kala tidak diserahkan kepada guru besar mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu semua wang yang dikutip selepas waktu bank beroperasi akan disimpan dalam peti keselamatan sekolah.

### **5.2 Penyelenggaraan Buku Tunai**

Buku Tunai merupakan buku perakaunan utama bagi merekodkan segala urus niaga penerimaan dan pembayaran. Buku ini perlu diselenggarakan dengan sempurna dan dikemaskinikan pada setiap masa kerana ia merupakan dokumen asas bagi penyediaan Penyata Akaun Tahunan Sekolah. (Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia : 29).

Didapati kedua-dua sekolah ini mempunyai buku tunai yang diuruskan dengan baik. Kebanyakkan urusan penyelenggaraan buku tunai ini dilakukan oleh kerani kewangan masing-masing dengan penyeliaan daripada gurubesar. Kedua-dua buah sekolah mempunyai dua jenis buku tunai. Pertama ialah buku tunai untuk merekodkan pendapatan dan perbelanjaan bagi kumpulan wang kerajaan. Kedua ialah buku tunai bagi merekodkan pendapatan dan perbelanjaan bagi kumpulan wang SUWA.

### **5.3 Penyata Bank**

Kedua-dua sekolah mempunyai akaun bank masing-masing di Maybank Rawang. Ini adalah selaras dengan arahan oleh Perbendaharaan. (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1983). Kedua-dua sekolah mempunyai akaun yang berasingan bagi setiap jenis kumpulan wang. Sebarang faedah yang diperolehi dari bank dimasukkan kedalam pendapatan pelbagai akaun wang SUWA.

Penyata penyesuaian bank dibuat oleh sekolah-sekolah tersebut pada setiap bulan. Kesemua penyata ini difaikkan mengikut jenis-jenis kumpulan wang iaitu fail berasingan bagi kumpulan wang kerajaan dan kumpulan wang Suwa.

### **5.4 Pengetahuan Perakaunan Kewangan Sekolah**

Hasil kajian menunjukkan bahawa, kedua-dua gurubesar sekolah tersebut bersetuju bahawa pengetahuan perakaunan adalah perlu dalam pentadbiran kewangan sekolah. Pendapat ini turut dipersetujui oleh guru penolong kanan sekolah tersebut. Hanya dengan pengetahuan yang cukup, maka segala perancangan dan pengurusan kewangan akan dapat dilaksanakan dengan baik.

### **5.5 Pendapatan dan Perbelanjaan Wang Kerajaan**

Antara masalah utama yang dihadapi oleh kedua-dua buah sekolah tersebut ialah jumlah peruntukan Tuntutan Per Kapita atau LPBT atau LPK yang tidak mencukupi. Peruntukan ini digunakan untuk membayar bil-bil elektrik, air, telefon, pengangkutan pelajar, percetakan, membeli bahan dan bekalan sekolah, dan membeli alatan bantu mengajar. Kedua-dua gurubesar berpendapat bahawa, tuntutan per kapita harus ditingkatkan. Ini disebabkan kadar yang diberi kepada sekolah-sekolah pada masa kini tidak sesuai.. Kadar ini harus ditingkatkan, memandangkan harga barang dan perkhidmatan telah naik dengan amat ketara sejak kebelakangan ini. Sebagai contohnya, jumlah peruntukan yang telah diperolehi oleh Sekolah Rendah (Tamil) Rawang bagi tahun kewangan 1999, ialah sebanyak RM12,900.00. Ini berbanding dengan jumlah yang telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut iaitu sebanyak RM14, 801.36.

Begitu juga dengan Sekolah Rendah (Cina) San Yuk, Rawang, yang mendapat peruntukan LPBT/LPK sebanyak RM30,343.15. Sebaliknya jumlah yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM30 463.50 bagi tujuan yang sama. Jelas bahawa jumlah peruntukan yang diterima kurang mencukupi.

Didapati sekolah-sekolah ini juga menghadapi kekurangan peruntukan dari segi Bantuan Mata Pelajaran. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 1999 bagi kedua-dua buah sekolah. Bagi Sekolah Rendah (Tamil) Rawang, jumlah peruntukan tidak mencukupi bagi matapelajaran seperti Sains dan Matematik, Pendidikan Jasmani, dan Bimbingan Kaunseling. Untuk mengatasi kekurangan ini, pihak sekolah telah mengambil peruntukan dari sumber lain bagi memenuhi keperluan matapelajaran-matapelajaran ini. Demikian juga bagi Sekolah Rendah (Cina) San Yuk, Rawang. Peruntukan bagi matapelajaran seperti Sains dan Matematik dan Pusat Sumber Pendidikan adalah tidak mencukupi. Gurubesar dan GPK 1 sentiasa berhati-hati dalam membuat perancangan belanjawan sekolah. Segala pandangan dari ketua-ketua panitia matapelajaran dan guru-guru sentiasa diambil kira sebelum membuat keputusan.

#### **5.6 Pendapatan dan Perbelanjaan Wang SUWA**

Tujuan utama kutipan Wang SUWA ialah untuk menampung perbelanjaan yang tidak dapat dimasukkan ke dalam Wang Kerajaan. Mengikut (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan : 1993), Wang SUWA juga digunakan untuk menampung perbelanjaan yang tidak dijelaskan oleh kumpulan wang yang lain, terutamanya untuk menampung mana-mana sektor yang menghadapi kekurangan atau defisit sama ada peruntukan Wang Kerajaan atau Wang SUWA.

Bagi Sekolah Rendah (Cina ) San Yuk, didapati kutipan wang Suwa iaitu sebanyak RM72,743.19 yang didapati dari pelbagai sumber seperti yuran khas, derma penyokong, yuran peperiksaan dalaman, keuntungan kedai buku, dan sewa kantin telah dapat menampung perbelanjaan sekolah tersebut. Malahan sekolah ini mempunyai lebihan sebanyak RM3,962.16 bagi tahun kewangan 1999.

Sebaliknya bagi Sekolah Rendah (Tamil) Rawang pula, pendapatan dari Wang Suwa tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Suwa bagi tahun kewangan 1999. Didapati sekolah tersebut telah mengalami kekurangan sebanyak RM133.32. Sekolah ini telah mengalami kekurangan wang, bagi sukan permainan, seni lukis, dan perbelanjaan peralatan pejabat.

Kedua-dua sekolah telah menggunakan pendapatan dari sewa kantin sekolah untuk menampung kos perbelanjaan yang tidak dapat ditampung oleh kumpulan wang yang lain. Contohnya ialah seperti untuk menampung perbelanjaan bagi alat kebun/runcit, alatulis, alat bantu mengajar, penyelenggaraan bangunan, setem dan juga untuk perpustakaan. Wang kantin ini juga digunakan untuk membayar tambang dan makan bagi pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum dan kurikulum sekolah.

### **5.7 Kutipan Yuran Sekolah**

Menurut gurubesar Sekolah Rendah ( Cina ) San Yuk, Rawang, sekolah ini tidak menghadapi sebarang masalah dalam mendapatkan wang yuran dari para pelajar. Kutipan yuran dapat dilakukan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu sebelum bulan Mac setiap tahun.

Keadaan ini berbeza di Sekolah Rendah ( Tamil ), Rawang, di mana menurut gurubesarnya, sebanyak sepuluh peratus dari pelajarnya gagal menjelaskan yuran yang ditetapkan. Walaubagaimana pun, masalah ini dapat diatasi dengan adanya sokongan dari pihak PIBG sekolah.

### **5.8 Masalah-masalah Umum Pentadbiran Kewangan Sekolah**

Didapati kedua-dua buah sekolah mempunyai seorang kerani kewangan. Oleh kerana gurubesar selalu sibuk menguruskan hal-hal pentadbiran yang lain, maka pengurusan kewangan sekolah ini kebanyakkannya dilakukan oleh kerani kewangan ini dengan diawasi oleh gurubesar. Didapati juga, bahawa GPK 1 di kedua-dua buah sekolah kurang melibatkan diri dalam pengurusan kewangan sekolah masing-masing. Mereka hanya mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh gurubesar. Dari segi pengurusan buku akaun tunai, tugas ini diserahkan semata-mata kepada kerani kewangan.

### **5.9 Cadangan-cadangan Untuk Memperbaiki Pentadbiran Kewangan**

#### **5.9.0 Guru besar perlu kreatif menjana sumber wang tambahan**

Oleh kerana pentadbiran kewangan sekolah merupakan satu aspek pentadbiran yang sangat penting, oleh yang melibatkan peruntukan Wang Kerajaan dan Wang Suwa dan melibatkan jumlah yang sangat besar. Setiap gurubesar harus mempunyai kreativiti tersendiri untuk mencari sumber-sumber baru bagi menambahkan pendapatan sekolah yang seterusnya dapat digunakan untuk kemajuan sekolah masing-masing.

### **5.9.1 Pertambahan Peruntukan Wang Kerajaan (Peruntukan Perkapita)**

Gurubesar di kedua-dua buah sekolah, mengakui bahawa jumlah yang diterima dari Peruntukan Perkapita adalah tidak mencukupi. Oleh itu kerajaan harus menambahkan jumlah ini ke suatu kadar yang lebih munasabah. Ini adalah kerana kos pengurusan yang telah bertambah dengan kenaikan kos bagi keperluan asas seperti tarif telefon, elektrik dan air.

Walaubagaimana pun, Sekolah Rendah (Cina ) San Yuk, Rawang, ini mendapat jumlah tuntutan per kapita yang jauh lebih tinggi dari Sekolah Rendah (Tamil) Rawang. Sudah tentu perbezaan ini adalah disebabkan oleh perbezaan jumlah pelajar yang amat ketara bagi kedua-dua sekolah ini.

Pengkaji berpendapat bahawa, kesedaran yang lebih luas diperlukan di kalangan masyarakat India. Lebih ramai masyarakat India harus menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil, supaya bilangan pelajar yang lebih ramai akan dapat menarik lebih banyak Peruntukan Per Kapita dari pihak kerajaan. Bilangan pelajar yang amat sedikit hanya akan memberikan Peruntukan Per Kapita yang sangat rendah dan tidak mencukupi untuk pengurusan kewangan yang lebih berkesan.

### **5.9.2 Tambah Peruntukan Wang SUWA**

Pihak yang berkenaan harus membenarkan supaya kadar yuran-yuran yang dikutip dari pelajar dapat dinaikkan sedikit. Hasil kajian juga mendapati peranan gurubesar amat penting dalam mendapatkan sumber kewangan yang pelbagai bagi pendapatan Wang Suwa.

Bagi Sekolah Rendah ( Cina ) San Yuk, selain dari pendapatan dari sewa kantin yang tinggi, sekolah ini juga mendapat sumbangan keuntungan yang besar dari kedai buku sekolah. Sekolah ini menguruskan sendiri kedai bukunya dengan bantuan guru-guru dan para pelajar. Hasilnya sekolah ini telah mendapat keuntungan sebanyak RM13,378.53. Sudah tentu wang ini memberi sumbangan yang besar bagi menampung kekurangan perbelanjaan bagi bahagian yang memerlukan.

Ini berbeza dengan Sekolah Rendah (Tamil) ,Rawang, yang telah menyerahkan pengurusan kedai buku ini kepada PIBG sekolah. Sekolah ini hanya mendapat amaun tetap sebanyak RM1000.00 sahaja setiap tahun sebagai sumbangan dari PIBG. Seharusnya sekolah ini cuba menguruskan kedai bukunya sendiri dengan bantuan guru-guru dan para pelajar, supaya keuntungan dapat dimaksimakan untuk tabung akaun Wang Suwa.

Satu lagi perbezaan yang ketara di antara kedua-dua buah sekolah ini ialah dari segi sumbangan oleh PIBG sekolah masing-masing. Didapati PIBG Sekolah Rendah (Cina) San Yuk, amat aktif dalam memberikan sumbangan kepada sekolah tersebut. Ini berbanding dengan Sekolah Rendah (Tamil) Rawang, yang walaupun aktif, tetapi sumbangannya jauh lebih kecil berbanding dengan sumbangan PIBG Sekolah Rendah (Cina) San Yuk, Rawang. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan dari segi latarbelakang ibubapa pelajar di mana kebanyakkan ibubapa yang menghantar anak mereka ke sekolah Tamil terdiri dari golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Oleh itu sumbangan dari aspek kewangan yang dapat diberikan kepada sekolah menjadi amat terhad. Ini berbanding dengan Sekolah Cina di mana kebanyakkan ahli masyarakat

tersebut menghantar anak mereka ke sekolah Cina tidak kira samada mereka berpendapatan rendah, sederhana, atau golongan berpendapatan tinggi. Maka kemampuan ibubapa golongan ini untuk memberikan sokongan kewangan kepada sekolah jauh lebih baik berbanding dengan sekolah Tamil.

Didapati Sekolah Rendah (Cina) San Yuk, Rawang, mendapat sokongan yang amat kuat dari Persatuan Pelajar-Pelajar Tua sekolah tersebut. Contohnya, pada masa kini, persatuan ini sedang membina sebuah bangunan empat tingkat yang menelan perbelanjaan beberapa juta ringgit bagi menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat. Pengkaji berpendapat sekolah-sekolah Tamil harus mencontohi sekolah Cina dengan menukuhan persatuan bekas pelajar mereka sendiri. Sekali lagi pengkaji berpendapat ini juga memerlukan kesedaran di kalangan masyarakat India sendiri, di mana lebih ramai ahli masyarakat tersebut dari golongan kelas pertengahan dan menengah harus menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil. Ini seterusnya akan menghasilkan PIBG yang lebih teguh dan lebih berkeupayaan dari segi membantu menambahkan sumber kewangan sekolah Tamil tersebut.

#### **5.10 Cadangan Kajian Lanjut**

Kajian ini seharusnya tidak ditamatkan setakat dua buah sekolah ini sahaja. Lebih banyak kajian harus dibuat di sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah kebangsaan biasa dan sekolah-sekolah Tamil yang lain di seluruh negara. Ini adalah supaya kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan terutamanya dari segi sumber kewangan akan dapat dikenal pasti.

Sekolah-sekolah yang amat berjaya dari segi pengurusan kewangannya harus dijadikan contoh bagi sekolah-sekolah yang kurang berkesan. Mungkin melalui kajian seperti ini, kelemahan-kelemahan akan dapat disedari dan mencontohi kelebihan sekolah-sekolah yang berjaya.

### **5.11 Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, kedua-dua buah sekolah ini telah mengamalkan semua arahan dan prosedur yang ditetapkan. Gurubesar memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan perjalanan sistem kewangan di sesebuah sekolah. Selain daripada itu, seseorang gurubesar juga harus kreatif dalam memikirkan sumber-sumber kewangan yang baru bagi sekolahnya. Ini akan dapat membantu menambahkan pendapatan sekolah dan seterusnya sekolah akan dapat menyediakan keperluan pembelajaran yang selesa kepada para pelajar.